

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09 DECEMBER 2016

Kaji elaun penghulu, penggawa: PM

BH-9/12/2016

→ Najib minta JPA teliti kemampuan kewangan sebelum buat keputusan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji permintaan penghulu dan penggawa yang mahu gred mereka di setiap daerah dinaikkan kepada gred NP40.

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu meneliti kemampuan kewangan bagi kenaikan itu terlebih dahulu sebelum boleh membuat sebarang keputusan mengenainya.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan akan mengambil kira setiap permintaan yang disampaikan penghulu dan penggawa kepadanya dalam memastikan me-

reka boleh terus berkhidmat dengan cemerlang.

“Saya tidak boleh umum secara spontan. Saya minta JPA kaji dan semak dahulu serta melihat tabung dana kerajaan,” katanya pada Seminar Jati Diri dan Memperkasa Institusi Penghulu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Seminar dua hari bermula semalam turut dihadiri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Dr Yusri Mohamad dan Yang Dipertua Kesatuan Penghulu Penggawa Semanjung Malaysia, Ahmad Fuad Z Abidin.

Najib berkata demikian mengulas ucapan Ahmad Fuad yang me-

minta kerajaan menaikkan gred penghulu di setiap daerah kepada NP40 berbanding hanya seorang sahaja ketika ini yang diberikan gred itu di setiap negeri.

Naikkan gred penghulu

Ahmad Fuad turut meminta kerajaan menaikkan gred penghulu dan penggawa yang berkhidmat selama lapan tahun daripada NP29 kepada NP36, berbanding tempoh perkhidmatan 13 tahun yang ditetapkan ketika ini.

Sementara itu, Najib menggesa institusi penghulu dan penggawa memainkan peranan menyampaikan keluhan dan masalah rakyat kepada kerajaan kerana mereka adalah individu paling hampir dengan akar umbi.

Katanya, maklumat itu perlu ba-

gi membantu memperbaiki dasar kerajaan supaya pelaksanaannya menepati matlamat dan sampai ke akar umbi.

“Bila sudah tahu hasrat, kehendak dan keluhan rakyat, maka tolonglah sampaikan kepada kerajaan kerana kalau tahu tetapi diam sahaja, sudah tentu kerajaan tidak dapat gambaran sebenar.

“Kami di Putrajaya (kerajaan) nak tahu apakah masalah rakyat supaya dasar kerajaan boleh diolah dan jika dasar sudah baik serta kena pada tempatnya, pelaksanaan pula akan diteliti.

“Kebiasaannya dalam kerajaan bukan soal dasar. Dasar sudah cantik tapi pelaksanaannya selalu berlaku masalah menyebabkan kehendak kerajaan tidak sampai kepada rakyat,” katanya.